

SULIT

Nama Pelajar :

Tahun :

**PENDIDIKAN MORAL
TAHUN 4**

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK 2024/2025

TAHUN 4

**PENDIDIKAN
MORAL (PM)**

OKT/NOV

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif.
4. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, **hitamkan** jawapan yang baru.
5. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.
6. Soalan **Bahagian B** perlu dijawab pada kertas soalan di ruangan jawapan yang disediakan.
7. Tulis jawapan dengan jelas dan jangan tinggalkan kosong pada ruangan jawapan.

BAHAGIAN	MARKAH
BAHAGIAN A	20
BAHAGIAN B	30
JUMLAH	/50

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

Bahagian A
Soalan Objektif
[20 markah]

Arahan : Bahagian ini mempunyai 20 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Pilih jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan.

1.



Amalan berpuasa di bulan Ramadhan di amalkan oleh

- A. Ramesh
- B. Ahmad
- C. Mei Ling
- D. John

2. Agama Buddha melarang semua penganutnya

- A. Berbuat baik sesama makhluk
- B. Saling memaafkan
- C. Saling menghormati
- D. Membezakan antara satu sama lain

3. Semua di bawah merupakan tanda kita menghargai jiran **kecuali**

- A. Membeli buah tangan untuk jiran
- B. Selalu berprasangka buruk terhadap jiran
- C. Bertukar juadah sesama jiran
- D. Bersikap ramah terhadap jiran


4. Mengapakah kita perlu mengucapkan terima kasih kepada jiran

- A. Untuk menghargai sumbangan jiran
- B. Untuk meringankan beban jiran
- C. Untuk memberi hutang kepada jiran
- D. Untuk menunjukkan simpati kepada jiran

5. Jika jiran menyakiti kamu, apakah yang perlu kamu lakukan?

- A. Bergaduh dengan jiran
- B. Tidak memaafkan jiran
- C. Tidak bertegur sapa dengan jiran
- D. Memaafkan kesalahan jiran kepada kita

6.



Apakah sikap yang perlu ada kepada kita apabila jiran membuat pengubahsuaian rumah?

- A. Bergaduh
- B. Berdendam
- C. Bertolak ansur
- D. Bermasam muka

7. Jiran kamu memerlukan bantuan kewangan yang banyak. Apakah yang patut kamu lakukan untuk membantu jiran?

- A. Melancarkan derma kilat di kawasan kejiranan
- B. Mengutuk jiran bersama jiran lain
- C. Memberi kata-kata semangat
- D. Tidak mengendahkan

8. Mengapakah kita perlu bersikap adil dengan jiran?
- A. Supaya hidup kita tidak tenteram
 - B. Supaya boleh bergaduh dengan jiran
 - C. Supaya jiran tidak bertegur sapa dengan kita
 - D. Supaya hidup kita aman dan gembira
9. Kumar dan Ramesh berkawan baik dengan Anthony walaupun dia anak orang miskin. Mereka tidak mengira _____ dalam persahabatan
- A. umur
 - B. darjat
 - C. peringkat
 - D. agama
10. Murad melihat anak jirannya bermain di tepi sungai , apakah yang perlu Munif lakukan?
- A. Tidak mengendahkan anak jirannya itu
 - B. Menegur anak jirannya itu
 - C. Tidak perlu berbuat apa-apa
 - D. Beredar dari situ

11. Samsudin menerima baki yang berlebihan ketika membuat bayaran di kaunter. Dia telah memulangkan lebih baki tersebut. Tindakannya itu tindakan yang
- A. jujur
 - B. berani
 - C. bijak
 - D. Baik hati
12. Pilih perlakuan yang menunjukkan amalan kesederhanaan sesama jiran?
- A. Mengejek jiran
 - B. Bertutur tidak sopan dengan jiran
 - C. Bermain buaian terlalu lama tanpa menghiraukan jiran lain yang hendak bermain
 - D. Berpakaian sopan ketika menghadiri majlis makan malam anjuran kejiranan
13. Umar berpendapat bahawa program yang dicadangkan oleh jiran kamu tidak sesuai untuk diadakan. Apakah tindakan yang patut Umar lakukan?
- A. Tidak menghadiri program tersebut
 - B. Tidak bertegur sapa dengan jiran
 - C. Memberanikan diri memberi pendapat
 - D. Mengajak jiran lain memulaukan program tersebut
14. Chris bergotong-royong membaiki atap rumah jiran yang bocor. Sikap ini berkait rapat dengan amalan

- A. kesederhanaan
- B. Hormat-menghormati
- C. Bertolak ansur
- D. bekerjasama

15. Kita perlu mengucapkan _____ apabila menerima sesuatu daripada jiran

- A. tahniah
- B. Terima kasih
- C. syukur
- D. maaf

16. Pilih pernyataan yang betul

- A. Balaslah jasa dan pengorbanan jiran dengan ikhlas
- B. Kita perlu berlagak sombong apabila bertemu dengan jiran
- C. Saya tidak mempedulikan jiran yang sakit
- D. Kita perlu bertutur kasar dengan jiran


17. Perlakuan berikut adalah **bukan** perlakuan bersederhana di sekolah?
- A. Berpakaian sopan
 - B. Mematuhi peraturan sekolah
 - C. Membazirkan air dan elektrik
 - D. Bijak mebahagikan masa
18. Suresh patut menegur jika ternampak anak jirannya sedang _____ dinding balairaya kampung mereka
- A. mengecat
 - B. menebas
 - C. mencuci
 - D. menconteng

19. Mahmud menolong jirannya _____ dan membuat kerja sekolah di rumahnya
- A. memadam
 - B. membaca
 - C. mengulangkaji
 - D. menulis
20. Nizam tidak pernah memarahi jirannya kerana daun-daun kering dari pokok jiran itu masuk ke halaman rumahnya. Nizam bertoleransi dengan _____ daun-daun kering tersebut
- A. membakar
 - B. menyapu
 - C. melempar
 - D. mencuci

Bahagian B
Soalan Subjektif
 [30 markah]

Arahan : Jawab semua soalan.


1. Nyatakan tempat beribadat bagi setiap murid di bawah

Murid	Tempat Beribadat
1 	Tempat beribadat : _____
2 	Tempat beribadat : _____
3 	Tempat beribadat : _____
4 	Tempat beribadat : _____

[4 markah]

2. Lengkapi peta minda di bawah berkaitan sikap toleransi terhadap ahli keluarga

berprasangka	pergaulan	Berat sebelah
layanan	kedudukan	tugasan



[6 markah]

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul



bertanggungjawab
berkunjung

sakit
muhibbah

lokek
membantu

mengenal
Bertuah

Ali berjiran dan Mei Mei. Ali ada lah seorang jiran yang _____. Mei Mei berasa gembira kerana dapat berjiran dengan Ali. Pernah suatu ketika dahulu semasa ibu Mei Mei jatuh _____, Ali yang baik hati itu _____ Mei Mei menghantar ibunya ke hospital walaupun hari sudah lewat malam.

Ali juga berasa _____ kerana dapat berjiran dengan Mei Mei. Mei Mei tidak pernah _____ menghulurkan bantuan. Mei Mei sering menjenguk ibu Ali sekiranya Ali tiada di rumah. Setiap kali tiba musim perayaan, mereka akan saling _____ untuk mempraktikkan semangat _____. Ahli keluarga mereka turut mempunyai hubungan yang baik dan saling _____ antara satu sama lain.

[8 markah]

4. Gariskan jawapan yang betul

- i. Ibu dan ayah pasti yakin dan _____(bangga/malu) dengan saya kerana saya mengamalkan sikap jujur dalam kehidupan
- ii. Saya akan _____ (dipercayai/dijauhi) sekiranya saya mengamalkan sikap amanah ketika bergaul dengan jiran
- iii. Saya berasa _____ (seronok/kesal) apabila terhilangkan buku cerita yang dipinjam daripada jiran
- iv. Saya sentiasa bercakap _____(bohong/benar) tentang diri saya kepada jiran
- v. Saya akan _____ (memulangkan/ menggunakan) wang baki jika berlebihan ketika membeli kuih di warung jiran.
- vi. Saya menggunakan wang kutipan yuran persatuan untuk kepentingan _____ (diri sendiri/persatuan)

[6 markah]

5. Lihat gambar dengan teliti, kemudian jawab soalan dengan betul



i. Nyatakan **dua** aktiviti yang dilakukan berdasarkan gambar di atas.

a) _____

b) _____

ii. Berikan **dua** cara menghormati jiran berdasarkan gambar di atas

a) _____

b) _____

iii. Nyatakan perasaan kamu apabila dapat menghormati jiran dalam kehidupan seharian

iv. Bagaimana kamu menghormati jiran kamu?

[6 markah]

----- KERTAS SOALAN TAMAT -----
~ SELAMAT MENJAWAB ~